



KEMENTERIAN PERDAGANGAN ANTARABANGSA DAN INDUSTRI
JABATAN STANDARD MALAYSIA

UCAPAN

EN. SHAHARUL SADRI BIN ALWI

KETUA PENGARAH

JABATAN STANDARD MALAYSIA

**“PROGRAM PEMERKASAAN SISTEM PENGURUSAN
KESELAMATAN TRAFIK JALAN RAYA”**

22 DISEMBER 2022

KEMENTERIAN PENGANGKUTAN MALAYSIA, PUTRAJAYA

Bismillahirrahmanirrahim.

YBhg. Datuk Isham bin Ishak

Ketua Setiausaha

Kementerian Pengangkutan Malaysia

YBhg. Dato' Zailani Bin Haji Hashim

Ketua Pengarah Pengangkutan Jalan

Jabatan Pengangkutan Jalan

YBhg. Datuk Azlan Shah Bin Al Bakri

Ketua Pengarah Agensi Pengangkutan Awam Darat

YBhg. Dato' Sri Dr. Mohammed Azman bin Dato' Aziz Mohammed

Ketua Eksekutif, Pertubuhan Keselamatan Sosial

YBhg. Dato' Indera Dr. Hj. Ahmad Sabirin Bin Arshad

Presiden dan Ketua Pegawai Eksekutif

SIRIM Berhad

YBrs. Ir. Ts. Azhar Bin Hamzah

Ketua Pengarah Institut Keselamatan Jalan Raya

Pegawai-pegawai kanan Kementerian,

YBhg. Dato' Sri/Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sekalian.

Assalamualaikum Warahmatullahiwabarakatuh, Salam sejahtera dan selamat petang.

1. Terlebih dahulu izinkan saya menyampaikan ucapan terima kasih kepada YBhg. Dato' Sri/Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan, di atas kesudian untuk hadir ke **“Program Pemerkasaan Sistem Pengurusan Keselamatan Trafik Jalan Raya”** yang dianjurkan secara bersama oleh pihak Institut Keselamatan Jalan Raya (MIROS) dan Jabatan Standard Malaysia. Kepada Jawatankuasa Pengelola dan mereka yang terlibat dalam menganjurkan sesi ini, tahniah dan terima kasih diucapkan di atas segala usaha dan inisiatif mereka.
2. Sepertimana YBhg. Dato' Sri/Datuk, Tuan-tuan dan Puan-puan sedia maklum, pembangunan standard di Malaysia telah berkembang pesat selaras dengan perkembangan ekonomi semasa dan kehendak industri. Jabatan Standard Malaysia merupakan Badan Standardisasi dan Akreditasi Kebangsaan sebagaimana termaktub dalam Akta Standard Malaysia 1996 (Akta 549). Akta 549 menggariskan fungsi dan peranan JSM sebagai badan standard kebangsaan yang bertanggungjawab dalam pembangunan *Malaysian Standard* (MS) dan mempromosikan penggunaannya. Malaysia melalui Jabatan Standard Malaysia (JSM) juga merupakan ahli kepada badan standardisasi

antarabangsa iaitu *International Organization for Standardization* (ISO) di mana Malaysia terlibat secara aktif (P-member) dalam 182 Jawatankuasa teknikal (TC) termasuklah ISO/TC 241 *on Road Traffic Safety Management Systems*, (RTSMS).

Para hadirin sekalian,

3. Untuk makluman, sehingga 30 November 2022, sejumlah 4811 MS telah dibangunkan berdasarkan permintaan daripada pihak industri. Daripada jumlah itu, sebanyak 212 MS telah dibangunkan dalam bidang Pengangkutan secara *indigeneous* mahupun melalui adaptasi standard antarabangsa seperti ISO dan IEC, UN Regulations dan lain-lain sebagai sumber rujukan. Ini dilaksanakan sama ada melalui penggunaan secara langsung (*direct use*) ataupun diperhalusi dan disesuaikan bagi tujuan penggunaan di peringkat nasional.
4. Sistem pengurusan keselamatan trafik jalan raya yang sistematik dan sejajar dengan standard antarabangsa mampu menambahbaik tahap keselamatan jalan raya di sesebuah negara. JSM melalui jawatankuasa teknikal di peringkat kebangsaan iaitu TC 10 on RTSMS yang turut bertindak sebagai *national mirror committe* kepada ISO/TC 241 adalah pihak yang bertanggung jawab dalam menetapkan standard keselamatan jalan raya di Malaysia.
5. Sehingga kini, dua (2) MS telah dibangunkan di bawah TC ini iaitu:
 - (i) MS ISO 39001:2013, *Road traffic safety (RTS) management systems - Requirements with guidance for use*; dan

(ii) MS ISO 39002:2020, *Road traffic safety - Good practices for implementing commuting safety management.*

6. Manakala, satu (1) MS masih dalam peringkat pembangunan iaitu draf DMS 2675- *Road traffic safety – Good practices for platform providers in implementing work-related road traffic safety management.* Draf MS ini telah melalui ulasan umum pada 1 Oktober – 30 November 2022, namun maklumbalas masih lagi sedang diteliti di peringkat kumpulan kerja. Draf MS yang memfokuskan keselamatan pekerja di jalan raya ini saya kira amatlah relevan dengan keperluan semasa selaras dengan evolusi berkaitan pekerjaan bagi industri gig. Sektor perkhidmatan yang melibatkan bidang penghantaran, penyedia platform dan perkhidmatan seperti *e-hailing* dan *p-hailing* ini kian berkembang pesat yang menjadi salah satu pilihan utama pengguna lebih-lebih lagi semasa menghadapi era COVID-19 dalam tempoh kebelakangan ini.
7. DMS berkaitan *work-related road traffic safety* ini bakal memberikan manfaat kepada organisasi atau syarikat perkhidmatan pengangkutan dan penghantaran (operator), pemandu/penunggang (*riders*), pelanggan, orang awam mahupun pengguna jalan raya. Sehubungan itu, program pada hari ini turut menyelitkan slot khusus bagi menghebahkan draf MS ini dan sekaligus untuk mendapatkan input serta maklumbalas daripada semua pihak yang berkepentingan. Secara tidak langsung, ini akan dapat mendorong standard ini untuk dilaksanakan dan digunakan sama ada secara sukarela atau mandatori kelak.

Para hadirin sekalian,

8. Standard-standard berkaitan keselamatan trafik jalan raya yang dibangunkan akan bertindak sebagai *'tool'* dalam membantu organisasi mengurangkan insiden dan risiko kematian serta kecederaan ekoran kemalangan jalan raya. Objektif tersebut dapat dicapai dengan adaptasi kepada sistem yang holistik dan selamat. Pihak Kerajaan tidak akan dapat mencapai objektif ini tanpa kerjasama semua pihak.
9. Pada hari ini juga kita akan meraikan kejayaan pihak MIROS yang telah mematuhi standard dan mendapatkan pensijilan MS ISO 39001:2013 *Road Traffic Safety Management Systems (RTSMS)*. Syabas diucapkan kepada pihak pengurusan MIROS dan warga kerjanya! Dalam masa yang sama, saya turut ingin menguar-uarkan bahawa skim akreditasi badan-badan pensijilan yang ditawarkan oleh JSM dalam bidang RTSMS telahpun tersedia yang mana skim ini akan memastikan kecekapan dan kompetensi badan pensijilan sentiasa terjamin.
10. Melalui program pada hari ini juga, kita sangat bertuah kerana dapat menjemput Setiausaha Agong Utusan Khas bagi Keselamatan Jalan Raya, Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (*United Nations-UN*) untuk menyampaikan perutusan khas keselamatan jalan raya. Resolusi di peringkat *UN General Assembly* pada 31 August 2020 telah mengumumkan tempoh 2021 sehingga 2030 sebagai *the Second Decade of Action for Road Safety* dengan sasaran untuk mengurangkan separuh daripada kadar kematian sedia ada.

Mesyuarat di peringkat tertinggi (*UN High Level Meeting*) pada bulan Jun 2022 juga turut menekankan kepentingan kerjasama di kalangan pelbagai pihak berkepentingan dalam menangani keselamatan jalan raya, termasuklah melalui perkongsian amalan terbaik dan standard teknikal.

11. Bidang keselamatan jalan raya juga menyumbang kepada *UN Sustainable Development Goal (UNSDG)*, iaitu No. 3, 11 dan 12 iaitu berkaitan *Good Health and Well Being, Sustainable Cities and Communities* dan *Responsible Consumption and Production*. Perkara ini telah diterjemahkan melalui dasar dan polisi Kerajaan termasuk Pelan Keselamatan Jalan Raya Malaysia (2022-2030) dan aktiviti standardisasi di Malaysia.
12. Sebelum mengakhiri kata, sekali lagi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan terima kasih kepada semua para peserta yang hadir dan tahniah kepada sekretariat dan semua yang terlibat dalam menganjurkan program ini. Besarlah harapan saya agar program ini dapat memangkin pemeraksanaan sistem pengurusan keselamatan trafik jalan raya secara lebih tuntas dan menyeluruh di kalangan pihak-pihak berkepentingan.

Dengan lafaz “Bismillahirrahmanirrahim”, **Program Pemeraksanaan Sistem Pengurusan Keselamatan Trafik Jalan Raya** ini dibuka secara rasminya.

Sekian, Wabillahitaufik walhidayah Wassalamu’alaikum warahmatullah hitaala Hiwabarakatuh. Terima kasih.